



## ANUGERAH MSORSM 2018

Anugerah Tesis dan Disertasi Penyelidikan berkaitan OR

### Anugerah MSORSM

Anugerah MSORSM telah diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2010 semasa Persidangan APORS2010 anjuran MSORSM. Anugerah ini menjadi satu pendekatan MSORSM dalam mengiktiraf penyelidikan dan aktiviti berimpak berkaitan Penyelidikan Operasi/*Operations Research* (OR) atau Sains Pengurusan/*Management Science* (MS).

Anugerah tesis/disertasi/laporan penyelidikan pelajar dalam Anugerah MSORSM 2018 ini adalah merupakan penganjuran kedua selepas penganjuran julung kalinya pada tahun 2010. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penyelidik atau projek pelajar yang dapat memberi sumbangan yang bermakna dalam bidang OR/MS. Penyertaan adalah dibuka kepada semua pelajar yang mengikuti pengajian dalam jurusan Sains Matematik, Sains Pemutusan, Sains Komputer, Kejuruteraan, Pengurusan/Perniagaan atau lain-lain jurusan yang berkaitan dengan OR/MS. OR atau MS adalah suatu disiplin yang mengaplikasikan kaedah analisis yang sistematik untuk membuat keputusan. Ianya melibatkan penyelesaian masalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Antara bidang-bidang yang meliputi OR/MS adalah seperti berikut:

- Penjadualan (*Scheduling/Timetabling*)
- Pengangkutan (*Transportation*)
- Pengoptimuman (*Optimization*)
- Logistik (*Logistics*)
- Inventori (*Inventory*)
- Simulasi (*Simulation*)
- Perlombongan Data (*Data Mining*)
- Teori Keputusan (*Decision Theory*)
- Pengurusan Projek (*Project Management*)
- Pengurusan Rantai Aliran (*Supply Chain Management*)
- Analisis Penyampulan Data (*Data Envelopment Analysis*)
- Ekonometrik (*Econometrics*), dan lain-lain

Anugerah Tesis dan Disertasi Penyelidikan Pelajar bagi Anugerah MSORSM 2018 disediakan bagi kategori yang berikut:

- Tesis Doktor Falsafah
- Tesis Sarjana
- Disertasi Sarjana
- Projek Sarjana Muda

## Syarat Umum Pertandingan

1. Calon adalah warganegara Malaysia.
2. Calon dan penyelia adalah ahli MSORSM.
3. Tesis/disertasi/laporan projek mestilah dihasilkan dan mendapat kelulusan daripada Senat Universiti dalam tempoh Januari 2017 hingga September 2018.
4. Tesis/disertasi/laporan projek tersebut mestilah dalam bidang Penyelidikan Operasi (OR) atau Sains Pengurusan (MS).
5. Hasil penyelidikan adalah inovatif dan sesuai untuk diaplikasikan.
6. Tesis/disertasi/laporan projek dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris diterima.
7. Penyertaan dibuka kepada calon dari Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta bermula **15 November 2018**.
8. Borang pencalonan berserta dengan bahan-bahan ilmiah hendaklah dihantar kepada Urusetia Anugerah Tesis dan Disertasi Penyelidikan Pelajar MSORSM selewat-lewatnya pada **31 Disember 2018**.

## Syarat Khusus Pertandingan

### 1. Kategori Tesis Doktor Falsafah/Sarjana

Setiap jabatan/fakulti boleh mencalonkan tesis yang terbaik daripada jabatan /fakulti berkenaan untuk kategori Tesis Doktor Falsafah dan Sarjana. Tiada had minima bilangan pencalonan untuk kategori ini daripada Jabatan/Fakulti berkenaan. Namun, setiap pencalonan itu perlulah disahkan oleh Dekan/Ketua Jabatan. Tesis bagi kategori Doktor Falsafah dan Sarjana juga boleh dicalonkan oleh Penyelia atau Calon (penulis tesis) sendiri dengan syarat mendapat pengesahan Dekan/Ketua Jabatan. Maklumat tesis yang dicalonkan itu hendaklah disertakan dengan:

- abstrak tesis
- salinan laporan pemeriksa
- salinan lembut keseluruhan tesis dalam bentuk CD (termasuk muka hadapan)
- salinan kelulusan daripada Senat Universiti
- senarai penerbitan yang terhasil (jika ada) dari penulisan/penyelidikan tesis tersebut

### 2. Kategori Disertasi Sarjana

Setiap Jabatan/Fakulti boleh mencalonkan hanya satu disertasi yang terbaik dari Jabatan/Fakulti berkenaan untuk kategori Disertasi Sarjana. Disertasi bagi kategori Disertasi Sarjana boleh dicalonkan oleh Penyelia atau Calon (penulis

tesis) sendiri untuk dengan syarat mendapat pengesahan Dekan/Ketua Jabatan. Maklumat disertasi yang dicalonkan itu hendaklah disertakan dengan:

- abstrak disertasi
- salinan laporan pemeriksa /keputusan
- salinan lembut keseluruhan disertasi dalam bentuk CD (termasuk muka hadapan)
- salinan transkrip menunjukkan gred yang diperoleh bagi kursus yang melibatkan disertasi penyelidikan yang berkenaan (jika ada).
- senarai penerbitan yang terhasil (jika ada) dari penulisan/penyelidikan disertasi tersebut.

### 3. Kategori Projek Sarjana Muda

Setiap jabatan/fakulti boleh mencalonkan maksimum dua laporan projek tahun akhir yang terbaik dari Jabatan/ fakulti berkenaan untuk kategori Projek Sarjana Muda. Maklumat laporan projek yang dicalonkan itu hendaklah disertakan dengan:

- abstrak laporan projek
- salinan laporan pemeriksa
- salinan lembut keseluruhan laporan projek dalam bentuk CD (termasuk muka hadapan)
- salinan transkrip menunjukkan gred yang diperoleh bagi kursus yang melibatkan projek tahun akhir yang berkenaan.
- senarai penerbitan yang terhasil (jika ada) dari penulisan/penyelidikan projek tersebut

## Dasar Penilaian & Tempoh Penyertaan

Panel penilai adalah ahli profesional daripada industri dan universiti. Kriteria penilaian akan mengambil kira pendekatan saintifik yang diaplikasi dalam menyelesaikan permasalahan, inovasi dan kreativiti dalam hasil penyelidikan, kepentingan penyelidikan, sumbangan yang signifikan terhadap bidang OR/MS, dan potensi hasil penyelidikan untuk diaplikasikan.

Hanya tesis/disertasi/laporan projek yang mencapai tahap cemerlang sahaja akan dipertimbangkan oleh Panel Penilai. Pemenang akan dipilih berdasarkan tesis/disertasi/laporan projek terbaik setiap kategori; setiap pemenang akan menerima wang tunai dan sijil. Keputusan Panel Penilai yang disahkan oleh Majlis Eksekutif MSORSM adalah muktamad.

Penyertaan dibuka bermula **15 November 2018** dan penyertaan akan ditutup pada **31 December 2018**. Keputusan akan dimaklumkan kepada para calon yang terlibat selewat-lewatnya pada April 2019. Majlis penyampaian hadiah Anugerah MSORSM

akan diadakan semasa Seminar in Management Science / Operations Research 2019 (MSOR2019) yang diadakan sempena Mesyuarat Agung Tahunan MSORSM (MSORSM AGM) ke-28 pada bulan Mei/Jun 2019.

## Perincian Anugerah MSORSM 2018

### Kategori Anugerah Tesis dan Disertasi Penyelidikan Pelajar:

Tesis Doktor Falsafah:

Tempat Pertama:	RM1200 + Sijil
Tempat Kedua:	RM750 + Sijil
Tempat Ketiga:	RM500 + Sijil

Tesis Sarjana:

Tempat Pertama:	RM900 + Sijil
Tempat Kedua:	RM500 + Sijil
Tempat Ketiga:	RM300 + Sijil

Disertasi Sarjana:

Tempat Pertama:	RM600 + Sijil
Tempat Kedua:	RM300+ Sijil
Tempat Ketiga:	RM200 + Sijil

Projek Sarjana Muda:

Tempat Pertama:	RM400 + Sijil
Tempat Kedua:	RM200 + Sijil
Tempat Ketiga:	RM150 + Sijil